Y A M Raja Dato' Seri Eleena Azlan Shah is a Barrister-at-Law from Lincoln's Inn, London, United Kingdom. She was called to the English Bar in 1985. Upon returning to Malaysia, she joined Messrs Skrine & Co and was called to the Malaysian Bar in 1986. She set-up her own legal practice Messrs Raja Eleena, Siew Ang & Associates in 1987 of which she is presently a senior partner. Y A M Raja Dato' Seri Eleena Azlan Shah was appointed to the Board of Gamuda on 1 June 1992. She attended 3 out of the 4 Board meetings held in the financial year. She is the niece of Y Bhg Dato' Ir Kamarul Zaman bin Mohd Ali. She is a Director and major shareholder of Generasi Setia (M) Sdn Bhd, which is a major shareholder of Gamuda. Her directorship in other public company is in KAF-Seagroatt & Campbell Berhad.	Y A M Raja Dato' Seri Eleena Azlan Shah berkelulusan Barrister-at-Law dari Lincoln's Inn, London, United Kingdom. Beliau diterima sebagai peguam oleh Majlis Peguam Inggeris pada tahun 1985. Sekembalinya ke Malaysia, beliau menyertai Tetuan Skrine & Co dan diterima sebagai peguam oleh Majlis Peguam Malaysia pada tahun 1986. Beliau telah menubuhkan firma guamannya sendiri, Tetuan Raja Eleena, Siew Ang & Associates pada tahun 1987, yang mana beliau kini merupakan rakan kongsi kanannya. Y A M Raja Dato' Seri Eleena Azlan Shah dilantik menganggotai Lembaga Pengarah Gamuda pada 1 Jun 1992. Beliau telah menghadiri 3 daripada 4 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada tahun kewangan. Beliau adalah anak saudara Y Bhg Dato' Ir Kamarul Zaman bin Mohd Ali. Beliau merupakan seorang Pengarah dan pemegang saham utama Generasi Setia (M) Sdn Bhd, yang merupakan pemegang saham utama Gamuda. Syarikat awam lain yang turut dianggotainya sebagai ahli Lembaga Pengarah ialah KAF-Seagroatt & Campbell Berhad.

profile of directors

profil para pengarah



Mr Ha Tiing Tai

50, Malaysian Warganegara Malaysia
Executive Director Pengarah Eksekutif

Mr Ha Tiing Tai holds a Bachelor of Engineering (Honours) degree from University of Malaya. He is a Professional Engineer registered with the Board of Engineers, Malaysia; Chartered Engineer registered with the Engineering Council, United Kingdom; Fellow of the Institution of Engineers Malaysia; Member of the Institution of Civil Engineers, United Kingdom and Fellow of the Institution of Highways And Transportation, United Kingdom. He has 26 years of experience in the engineering and construction sectors. Prior to joining Gamuda, he was Associate Director of an engineering consultancy firm specialising in turnkey projects. Mr Ha Tiing Tai was appointed to the Board of Gamuda on 1 February 1990. He attended 3 out of the 4 Board meetings held in the financial year. His directorship in other public company is in Danau Permai Resort Berhad.

Encik Ha Tiing Tai berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) dari Universiti Malaya. Beliau adalah seorang Jurutera Profesional yang berdaftar dengan Lembaga Jurutera, Malaysia; Jurutera Bertauliah yang berdaftar dengan Engineering Council, United Kingdom; Fellow Institut Jurutera Malaysia; Ahli Institution of Civil Engineers, United Kingdom dan Fellow Institution of Highways And Transportation, United Kingdom. Beliau telah menimba 26 tahun pengalaman dalam sektor kejuruteraan dan pembinaan. Sebelum menyertai Gamuda, beliau merupakan Pengarah Bersekutu sebuah firma perundingan kejuruteraan yang mempunyai pengkhususan dalam projek-projek serah kunci. Encik Ha Tiing Tai dilantik menganggotai Lembaga Pengarah Gamuda pada 1 Februari 1990. Beliau telah menghadiri 3 daripada 4 mesyuarat Lembaga Pengarah yang adakan pada tahun kewangan. Syarikat awam lain yang turut dianggotainya sebagai ahli Lembaga Pengarah ialah Danau Permai Resort Berhad.



Mr Ng Kee Leen

48, Malaysian Warganegara Malaysia
Executive Director Pengarah Eksekutif

Mr Ng Kee Leen has been with Gamuda since 1977 during which time he held various senior management positions. He has extensive working experience in tender, finance and implementation of infrastructure projects. Mr Ng Kee Leen was appointed to the Board of Gamuda on 20 September 1986. He serves as a member of the Audit Committee of the Board. He attended all of the 4 Board meetings held in the financial year. His directorships in other public companies are in Lingkaran Trans Kota Holdings Berhad and Kesas Holdings Berhad.

Encik Ng Kee Leen mula berkhidmat di Gamuda semenjak tahun 1977 dan telah memegang pelbagai jawatan pengurusan kanan. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang tender, kewangan dan pelaksanaan projek infrastruktur. Encik Ng Kee Leen dilantik menganggotai Lembaga Pengarah Gamuda pada 20 September 1986. Beliau merupakan ahli Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah. Beliau telah menghadiri kesemua 4 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada tahun kewangan. Syarikat-syarikat awam lain yang turut dianggotainya sebagai ahli Lembaga Pengarah ialah Lingkaran Trans Kota Holdings Berhad dan Kesas Holdings Berhad.



Mr Goon Heng Wah

48, Malaysian Warganegara Malaysia
Executive Director Pengarah Eksekutif

Mr Goon Heng Wah holds a Bachelor of Engineering (Honours) degree from Polytechnic of South Bank, United Kingdom. He has many years of working experience in the fields of engineering, construction and infrastructure works. He held several senior management positions since joining Gamuda in 1978 with responsibilities including management and supervision of major projects. Mr Goon Heng Wah was appointed to the Board of Gamuda on 11 November 1986, resigned on 30 October 1988 and re-joined the Board on 1 June 1992. He attended 3 out of the 4 Board meetings held in the financial year. His directorship in other public company is in Danau Permai Resort Berhad.

Encik Goon Heng Wah berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) dari Polytechnic of South Bank, United Kingdom. Beliau telah menimba pengalaman luas dalam bidang kejuruteraan, pembinaan dan kerja-kerja infrastruktur. Sejak menyertai Gamuda pada tahun 1978, beliau telah memegang beberapa jawatan pengurusan kanan, dengan tanggungjawab yang meliputi pengurusan dan penyeliaan projek-projek utama. Encik Goon Heng Wah dilantik menganggotai Lembaga Pengarah Gamuda pada 11 November 1986, meletakkan jawatan pada 30 Oktober 1988 dan menyertai semula Lembaga Pengarah pada 1 Jun 1992. Beliau telah menghadiri 3 daripada 4 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada tahun kewangan. Syarikat awam lain yang turut dianggotainya sebagai ahli Lembaga Pengarah ialah Danau Permai Resort Berhad.

profile of directors

profil para pengarah



Ms Wong Chin Yen

44, Malaysian Warganegara Malaysia

Non-Executive Director Pengarah Bukan Eksekutif
(independent) (bebas)

Ms Wong Chin Yen holds a Bachelor of Arts (Honours) degree in Law from Polytechnic of North London, United Kingdom and a Masters in Law degree from London School of Economics and Political Science. She is a Barrister-at-Law from Middle Temple, London, United Kingdom. From 1985-1987, she practised law at Shearn Delamore & Co. before moving on to the Legal Department of American Express (M) Sdn Bhd. She managed her own business providing process service to legal firms from 1990-1997. Henceforth, she joined the stockbroking industry and is presently a Dealer's Representative with HLG Securities Sdn Bhd. Ms Wong Chin Yen was appointed to the Board of Gamuda on 1 June 1992. She is a member of the Audit Committee and Nomination Committee of the Board. She attended all of the 4 Board meetings held in the financial year. She is not a Director of any other public company.

Cik Wong Chin Yen berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam jurusan Undang-Undang dari Polytechnic of North London, United Kingdom dan Ijazah Sarjana Undang-Undang dari London School of Economics and Political Science. Beliau adalah Barrister-at-Law dari Middle Temple, London, United Kingdom. Beliau mempraktik perundangan di Shearn Delamore & Co dari tahun 1985-1987 sebelum menyertai Jabatan Undang-Undang, American Express (M) Sdn Bhd. Beliau menguruskan perniagaan sendiri yang menyediakan khidmat pemprosesan kepada firma-firma guaman dari tahun 1990-1997. Seterusnya, beliau menyertai industri pembrokeran saham dan kini merupakan Wakil Penjual, HLG Securities Sdn Bhd. Cik Wong Chin Yen dilantik menganggotai Lembaga Pengarah Gamuda pada 1 Jun 1992. Beliau adalah ahli Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Pencalonan Lembaga Pengarah. Beliau telah menghadiri kesemua 4 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada tahun kewangan. Beliau tidak memegang jawatan Pengarah dalam mana-mana syarikat awam yang lain.



Mr Saw Wah Theng

47, Malaysian Warganegara Malaysia
Executive Director Pengarah Eksekutif

Mr Saw Wah Theng was admitted as an Associate of the Institute of Chartered Accountants (England and Wales) in 1985 and is a member of the Malaysian Institute of Accountants. He has extensive working experience in accounting, finance and corporate finance. He was attached to an accounting firm in United Kingdom from 1981-1985. Prior to joining the Gamuda Group, he was the Group Financial Controller of Hong Leong Industries Berhad. He is presently responsible for the Group's budgetary control, treasury, tax and corporate finance including mergers and corporate restructuring exercises. Mr Saw Wah Theng was appointed to the Board of Gamuda on 1 February 1998. He attended all of the 4 Board meetings held in the financial year. His directorships in other public companies are in Lingkaran Trans Kota Holdings Berhad, Kesas Holdings Berhad and Danau Permai Resort Berhad.

Encik Saw Wah Theng diterima sebagai Ahli Bersekutu Institute of Chartered Accountants (England dan Wales) pada tahun 1985 dan adalah ahli Institut Akauntan Malaysia. Beliau mempunyai pengalaman luas dalam bidang perakaunan, kewangan dan kewangan korporat. Beliau pernah berkhidmat dengan sebuah firma perakaunan di United Kingdom dari tahun 1981-1985. Sebelum menyertai Kumpulan Gamuda, beliau merupakan Pengawal Kewangan Kumpulan Hong Leong Industries Berhad. Beliau kini bertanggungjawab terhadap pengawalan belanjawan, perbendaharaan, cukai dan kewangan korporat Kumpulan, termasuk langkah-langkah penggabungan dan penyusunan semula korporat. Encik Saw Wah Theng dilantik menganggotai Lembaga Pengarah Gamuda pada 1 Februari 1998. Beliau telah menghadiri kesemua 4 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada tahun kewangan. Syarikat-syarikat awam lain yang turut dianggotainya sebagai ahli Lembaga Pengarah ialah Lingkaran Trans Kota Holdings Berhad, Kesas Holdings Berhad dan Danau Permai Resort Berhad.

profile of directors

profil para pengarah



Y Bhg Dato' Haji Azmi bin Mat Nor

46, Malaysian Warganegara Malaysia
Executive Director Pengarah Eksekutif

Y Bhg Dato' Haji Azmi bin Mat Nor holds a Bachelor of Science degree in Civil Engineering and a Masters of Science degree in Highway Engineering, both from University of Strathclyde, Glasgow, Scotland, United Kingdom. He was the Resident Engineer of Public Works Department (JKR), Pahang from 1983-1984 and Resident Engineer of JKR, Selangor from 1984-1986. As the Resident Engineer, he was responsible for supervising the construction of army complex, civil work and air force building. He was promoted to Maintenance Engineer of JKR Selangor in 1986 where he was responsible for the management of maintenance work for the army complex. He was the Assistant Director of the Central Zone Design Unit under JKR Kuala Lumpur (Road Branch) from 1987-1997 in charge of road design and coordination of consultants' work. Y Bhg Dato' Haji Azmi bin Mat Nor was appointed to the Board of Gamuda as Alternate Director to Mr Heng Teng Kuang on 22 December 2000 and ceased to be so on 1 August 2001. He re-joined the Board as a Director on 24 September 2001. He attended all of the 4 Board meetings held in the financial year. His directorships in other public companies are in Lingkaran Trans Kota Holdings Berhad, Kesas Holdings Berhad and Syarikat Pengeluar Air Selangor Holdings Berhad.

Y Bhg Dato' Haji Azmi bin Mat Nor berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains dalam jurusan Kejuruteraan Awam dan Ijazah Sarjana Sains dalam jurusan Kejuruteraan Lebuhraya. Kedua-dua Ijazah itu diperolehi daripada University of Strathclyde, Glasgow, Scotland, United Kingdom. Beliau pernah berkhidmat sebagai Jurutera Residen Jabatan Kerja Raya (JKR) Pahang dari tahun 1983-1984 dan Jurutera Residen JKR Selangor dari tahun 1984-1986. Sebagai Jurutera Residen, beliau bertanggungjawab terhadap penyeliaan pembinaan kompleks angkatan tentera, kerja-kerja awam dan bangunan tentera udara. Beliau telah dinaikkan pangkat ke jawatan Jurutera Penyenggaraan JKR Selangor pada tahun 1986 dan bertanggungjawab terhadap pengurusan kerja penyenggaraan kompleks angkatan tentera. Beliau merupakan Penolong Pengarah Unit Reka Bentuk Zon Tengah di bawah JKR Kuala Lumpur (Cawangan Jalan Raya) dari tahun 1987-1997, yang bertanggungjawab terhadap reka bentuk jalan raya dan penyelarasan kerja perunding. Y Bhg Dato' Haji Azmi bin Mat Nor dilantik menganggotai Lembaga Pengarah Gamuda sebagai Pengarah Pengganti kepada Encik Heng Teng Kuang pada 22 Disember 2000 dan berhenti menjadi Pengarah Pengganti pada 1 Ogos 2001. Beliau menyertai semula Lembaga Pengarah sebagai Pengarah pada 24 September 2001. Beliau telah menghadiri kesemua 4 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada tahun kewangan. Syarikat-syarikat awam lain yang turut dianggotainya sebagai ahli Lembaga Pengarah ialah Lingkaran Trans Kota Holdings Berhad, Kesas Holdings Berhad dan Syarikat Pengeluar Air Selangor Holdings Berhad.



Mr Chow Chee Wah

46, Malaysian Warganegara Malaysia

Alternate Director to Y Bhg Dato' Lin Yun Ling Pengarah Pengganti kepada Y Bhg Dato' Lin Yun Ling

Mr Chow Chee Wah holds a Bachelor of Science degree in Engineering from University of London, United Kingdom. He is a member of the Institute of Engineers, Malaysia and a Professional Engineer registered with the Board of Engineers, Malaysia. He is a Chartered Engineer since 1989 and has more than 22 years of working experience in the design of roads, expressways and buildings. He was with Sepakat Setia Perunding Sdn Bhd, an engineering consultancy company, for 15 years and his last appointment was as Associate Director. He joined Gamuda on 1 April 1995 as Project Coordinator and is presently the Senior General Manager of its Design & Technical Division. Mr Chow Chee Wah joined the Board of Gamuda as Alternate Director to Mr Chan Kuan Nam @ Chan Yong Foo on 22 December 2000, ceased to be so on 1 August 2001 and was re-appointed as Alternate Director to Y Bhg Dato' Lin Yun Ling on 24 September 2001. He attended all of the 4 Board meetings held in the financial year as an Alternate Director. He is not a Director of any other public company.

Encik Chow Chee Wah berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains dalam jurusan Kejuruteraan dari University of London, United Kingdom. Beliau adalah ahli Institut Jurutera Malaysia dan seorang Jurutera Profesional yang berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia. Beliau menjadi Jurutera Bertauliah sejak tahun 1989 dan telah menimba pengalaman bekerja lebih 22 tahun dalam bidang reka bentuk jalan raya, lebuhraya dan bangunan. Beliau berkhidmat selama 15 tahun dengan syarikat perundingan kejuruteraan Sepakat Setia Perunding Sdn Bhd dan memegang jawatan terakhir sebagai Pengarah Bersekutu. Beliau menyertai Gamuda pada 1 April 1995 sebagai Penyelaras Projek dan kini merupakan Pengurus Besar Kanan Bahagian Reka Bentuk & Teknikal. Encik Chow Chee Wah menyertai Lembaga Pengarah Gamuda sebagai Pengarah Pengganti kepada Encik Chan Kuan Nam @ Chan Yong Foo pada 22 Disember 2000, berhenti menjadi Pengarah Pengganti pada 1 Ogos 2001 dan dilantik semula sebagai Pengarah Pengganti kepada Y Bhg Dato' Lin Yun Ling pada 24 September 2001. Beliau telah menghadiri kesemua 4 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada tahun kewangan sebagai Pengarah Pengganti. Beliau tidak memegang jawatan Pengarah dalam mana-mana syarikat awam lain.

None of the Directors has Tiada Pengarah mempunyai:

any family relationship with any Director and/or major shareholder of the Company, save as disclosed on page 11;
sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama Syarikat, selain daripada yang dinyatakan di muka surat 11;

any conflict of interest with the Company;
sebarang konflik kepentingan dengan Syarikat;

any conviction of offences within the past 10 years other than traffic offences.
sebarang pensabitan dengan kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lalu selain daripada kesalahan lalu lintas.



chairman's perspective

PERSPEKTIF PENERUS

To our shareholders, customers, employees, partners, suppliers and friends

On behalf of the Board of Directors, I am pleased to present the 14th Annual Report and Audited Financial Statements of Gamuda Berhad for the financial year ended 31st July 2004.

The group has had another excellent year with good performance by all the group's divisions, finishing with another set of record results. Group revenue climbed 19% to RM1.7 billion while net profit improved by 17% to RM283 million. Earnings per share similarly bettered last year's by 8% to 39 sen per share.

Engineering and construction which is the heart of the group's activities, continues to be the major driver of the group's business, contributing 53% of operating earnings.

During the year, the construction division completed Sprint's Penchala Link as well as started the final stage of SSP3's Bukit Badong Treatment plant, slated for completion by mid 2005.

With the construction cum concession agreement for the SMART Project signed in June 2004, work is now in high gear, with tunnelling commencing for both Tunnel Boring Machines and aiming for completion by end 2006.

The projects overseas, in Taiwan and India, are also in an advanced stage of completion. Altogether, the group's construction order book is being sustained at RM2 billion, and we are targeting to secure additional work to enlarge the order book further.

Group revenue climbed 19% to RM1.7 billion while net profit improved by 17% to RM283 million.

Hasil kumpulan meningkat 19% kepada RM1.7 bilion manakala keuntungan bersih pula meningkat 17% kepada RM283 juta.

Kepada para pemegang saham, pelanggan, kakitangan, rakan niaga, pembekal dan rakan-rakan kami

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Teraudit Gamuda Berhad Ke-14 bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 2004.

Kumpulan mencapai satu lagi tahun yang cemerlang, dengan persembahan yang baik oleh kesemua bahagian kumpulan dan mengakhiri dengan keputusan yang mencatatkan satu lagi rekod. Hasil kumpulan meningkat 19% kepada RM1.7 bilion manakala keuntungan bersih pula meningkat 17% kepada RM283 juta. Pendapatan sesaham juga telah meningkat kepada 39 sen sesaham, iaitu 8% lebih tinggi daripada tahun lepas.

Kejuruteraan dan pembinaan, yang menjadi nadi kegiatan kumpulan, terus menjadi pemacu utama perniagaan, apabila menyumbang 53% daripada pendapatan operasi.

Pada tahun yang dilaporkan, bahagian pembinaan telah menyiapkan Hubungan Penchala Sprint dan juga memulakan peringkat terakhir loji Rawatan Bukit Badong SSP3, yang dijangka siap menjelang pertengahan 2005.

Dengan termeterainya perjanjian pembinaan dan konsesi bagi Projek SMART pada Jun 2004, kerja-kerja pembinaan sedang giat dijalankan. Malah kerja membina terowong telah dimulakan menggunakan kedua-dua Mesin Penggerudi Terowong, dan bertujuan untuk menyiapkannya menjelang akhir 2006.

Projek di luar negara, iaitu di Taiwan dan India, juga berada di peringkat akhir penyiapan. Secara keseluruhannya, buku pesanan bahagian pembinaan kumpulan dikekalkan pada RM2 bilion, dan kami menetapkan sasaran untuk mendapatkan projek lain untuk menebalkan lagi buku pesanan.

Another Year of Good Performance

SATU LAGI TAHUN YANG CEMERLANG

Tolled traffic on the group's highways continue to improve to 800,000 vehicles per day.

Bilangan kenderaan yang menggunakan lebuh raya bertol kumpulan terus meningkat kepada 800,000 kenderaan sehari.

The infrastructure concessions experienced solid double-digit growth from good traffic volumes on the group's expressways as well as our increased production and higher capacity from Splash, the group's water concession associate.

Already the largest urban expressway operator in the country, tolled traffic on the group's highways continue to improve to 800,000 vehicles per day. We have experienced good growth over the years due to the highways being located in the heart of one of the fastest growing and vibrant development corridors in the nation.

Additional treatment plant capacity from the Rasa Phase 2 Treatment Plant has boosted Splash's production capacity to 1,600 mld, well on the way to the target of 2,000 mld which will make Splash the largest water supplier in the country when the project is completed next year.

Konsesi infrastruktur mencatatkan pertumbuhan dua angka yang kukuh kerana peningkatan bilangan kenderaan yang menggunakan lebuh raya kumpulan dan juga hasil pengeluaran dan kapasiti lebih tinggi daripada Splash, syarikat sekutu kumpulan yang menguruskan konsesi air.

Sebagai pengendali lebuh raya bandar terbesar di negara ini, bilangan kenderaan yang menggunakan lebuh raya bertol kumpulan terus meningkat kepada 800,000 kenderaan sehari. Kami telah mencapai pertumbuhan yang memberangsangkan sejak beberapa tahun lepas kerana lebuh raya kami yang terletak di tengah-tengah salah satu daripada koridor pembangunan paling pantas dan pesat berkembang di negara ini.

Kapasiti tambahan daripada Loji Rawatan Fasa 2 Rasa telah meningkatkan kapasiti pengeluaran air Splash kepada 1,600 juta liter sehari, semakin hampir kepada sasaran 2,000 juta liter sehari yang bakal menjadikan Splash pembekal air terbesar di negara ini apabila projek tersebut siap tahun depan.

Bahagian hartanah juga mencatatkan prestasi yang mantap. Jenama Gamuda Land yang terkemuka dan produk-produk inovatif di lokasi yang baik telah membolehkan projek taman perumahan kumpulan di Kota Kemuning, Bandar Botanic dan Valencia untuk mencatatkan jualan lebih tinggi berjumlah RM730 juta. Walaupun bil berperingkat semakin tinggi, buku pesanan yang belum dibil masih kekal pada tahap RM700 juta yang cukup memuaskan.

chairman's perspective

perspektif pengerusi

It has also been another year of solid achievement by the property division. The strong Gamuda Land brand name and innovative products in good locations have enabled the group's township projects at Kota Kemuning, Bandar Botanic and Valencia to register improved sales of RM730 million. Despite higher progress billings, the unbilled order book has been maintained at a healthy level of RM700 million.

Building on our home-grown capabilities, we have over the past few years also established a significant presence in the regional overseas markets in India, Taiwan and recently in Indochina. With growth in the region continuing at a high rate and plans by the various governments to improve their infrastructure, we anticipate excellent opportunities for us to leverage on our skills and experience in the sector to secure more overseas work even as we continue to focus on developing our investments at home.

In recognition of our good performance during the year, the Board has recommended the full year gross dividend to be maintained at 16 sen per share, similar to last year. The Board has also approved an additional special dividend of 5 sen a share due to our good cash position and to enhance shareholder value.

On behalf of the Board, I wish to thank Y Bhg Tan Sri Ab Rahman bin Omar, who resigned from the Gamuda Board on 18 August 2004, for his contributions to the group. He was formerly an Independent & Non-Executive Director. At the same time, I would like to extend a warm welcome to Y Bhg Tan Sri Dato' Seri Dr Haji Zainul Ariff bin Haji Hussain to the Board. He joined the Board on 1 December 2004. I also wish to record my appreciation to the management and staff for their perseverance and sacrifice in an increasingly demanding environment. To our clients and suppliers we are thankful for your continued confidence in us. We are equally grateful to the authorities for their guidance and support. To my fellow Board members, my sincere thanks for your valuable advice and time.

Memanfaatkan kepakaran yang dibina di dalam negara, kami juga sejak beberapa tahun lalu telah menceburi dan bertapak kukuh di pasaran asing serantau seperti India, Taiwan dan baru-baru ini, Indochina. Memandangkan arus pertumbuhan pesat yang melanda rantau ini dan rancangan beberapa kerajaan untuk meningkatkan infrastruktur negara mereka, kami menjangka akan mempunyai peluang yang cerah untuk memanfaatkan kepakaran dan pengalaman kami dalam sektor ini untuk meraih lebih banyak kontrak di luar negara, sambil terus memberi tumpuan kepada pelaburan kami di tanah air.

Sebagai pengiktirafan kerana prestasi membanggakan kumpulan ini pada tahun yang dilaporkan, Lembaga Pengarah telah mencadangkan agar dividen kasar untuk tahun penuh dikekalkan pada 16 sen sesaham, sama seperti tahun lepas. Lembaga Pengarah telah meluluskan dividen istimewa tambahan sebanyak 5 sen sesaham kerana kedudukan tunai kami yang baik dan untuk meningkatkan nilai bagi pemegang saham.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Y Bhg Tan Sri Ab Rahman bin Omar, yang meletakkan jawatan sebagai ahli Lembaga Pengarah Gamuda Berhad pada 18 Ogos 2004, kerana sumbangannya kepada kumpulan. Beliau adalah bekas Pengarah Bebas & Bukan Eksekutif. Pada masa yang sama, saya mengalu-alukan perantikan Y Bhg Tan Sri Dato' Seri Dr Haji Zainul Ariff bin Haji Hussain ke Lembaga Pengarah. Beliau menyertai Lembaga Pengarah pada 1 Disember 2004. Saya juga ingin merakamkan penghargaan saya kepada pihak pengurusan dan kakitangan kerana usaha gigih dan pengorbanan mereka dalam suasana yang semakin mencabar. Kepada para pelanggan dan pembekal, kami mengucapkan terima kasih kerana keyakinan berterusan anda terhadap kami. Di samping itu, kami terhutang budi kepada pihak berkuasa kerana panduan dan sokongan mereka. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan sejawat saya dalam Lembaga Pengarah kerana meluangkan masa dan nasihat bernas mereka.

Tan Sri Dato' Ir Talha bin Haji Mohd Hashim

Chairman Pengerusi